



**TEKS UCAPAN ALUAN  
YANG BERBAHAGIA DATIN SERI  
ROBA'AISHAH BINTI MOHD GHAZALI  
PENGERUSI PUSPANITA CAWANGAN  
KEMENTERIAN DALAM NEGERI**

**MAJLIS PERASMIAN MESYUARAT AGUNG  
(PEMILIHAN) PUSPANITA CAWANGAN  
KEMENTERIAN DALAM NEGERI  
KALI KE-10 TAHUN 2019**

**20 FEBRUARI 2018 (RABU)  
SESI 1 (9.00 PAGI)  
DEWAN GEMILANG, KDN**

Assalamualaikum WBT dan salam sejahtera.

Sirih berlipat sirih pinang  
Sirih dari Pulau Mutiara  
Pemanis kata selamat datang  
Bismillahirrahmanirrahim.  
Pembuka bicara.

Yang dihormati dan disanjung,

Yang Berbahagia **Puan Sri Datin Paduka Noorainee binti Haji Abdul Rahman**, Penaung PUSPANITA Cawangan Kementerian Dalam Negeri;

Yang Berbahagia **Datin Norlizah binti Ag. Ahmad**, Timbalan Penaung PUSPANITA Cawangan Kementerian Dalam Negeri;

Yang Berbahagia **Dato' Seri Alwi bin Hj. Ibrahim**, Ketua Setiausaha merangkap Penasihat PUSPANITA Cawangan Kementerian Dalam Negeri;

Yang Berbahagia Dato' Sri dan Dato' Timbalan-Timbalan Ketua Setiausaha;

Yang Berbahagia Dato' Sri, Dato' Indera, Dato' dan Puan Ketua-Ketua Pengarah Jabatan;

Yang Berbahagia Dato', Tuan dan Puan Setiausaha-Setiausaha Bahagian;

Yang Berbahagia Datin Sri, Datin Indera dan Datin Pengerusi PUSPANITA Cawangan Kecil-Cawangan Kecil KDN; dan

Ahli-ahli Jawatankuasa Induk serta ahli-ahli PUSPANITA KDN yang dikasihi sekalian.

1. Alhamdulillah, syukur ke hadrat Ilahi kerana dengan limpah kurniaNya dapat kita bersama-sama pada Mesyuarat Agung PUSPANITA Cawangan Kementerian Dalam Negeri Kali Ke-Sepuluh Tahun 2019.

2. Kepada Yang Berbahagia **Puan Sri Datin Paduka Noorainee binti Haji Abdul Rahman**, Penaung PUSPANITA KDN terima kasih yang tidak terhingga saya ucapkan atas kesudian Yang Berbahagia Puan Sri untuk hadir merasmikan Mesyuarat Agung PUSPANITA Cawangan KDN Kali ke-Sepuluh Tahun 2019.

3. Ribuan terima kasih juga atas kesudian Yang Berbahagia **Dato' Seri Alwi bin Hj.**

**Ibrahim**, Ketua Setiausaha, merangkap Penasihat PUSPANITA KDN yang sudi meluangkan masa hadir pada hari ini.

4. Saya juga ingin mengalu-alukan kehadiran Yang Berbahagia Dato' Sri, Dato' Indera, Dato' dan Tuan/Puan Timbalan-Timbalan Ketua Setiausaha, Ketua-Ketua Pengarah Jabatan, Setiausaha-Setiausaha Bahagian dan seterusnya ahli-ahli PUSPANITA yang hadir. Terima kasih saya ucapkan.

Yang Berbahagia Puan Sri, Dato' Seri, Dato' Sri, Dato' Indera, Dato', Datin Sri, Datin, Tuan-Tuan dan Puan-Puan,

5. Di kesempatan ini, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada barisan jawatankuasa PUSPANITA

Cawangan KDN yang telah bekerjasama untuk melaksanakan kesemua aktiviti pada tahun 2018 dan juga sepanjang saya menjadi Pengerusi PUSPANITA KDN mulai tahun 2015 sehingga kini. Mungkin ini merupakan tahun terakhir saya untuk mempengerusikan Mesyuarat Agung PUSPANITA KDN kerana YBhg. Dato' Seri KSU akan bersara pada tahun ini.

6. Banyak kenangan pahit manis, pengalaman dan kejayaan yang telah dicapai sepanjang tahun tersebut. Alhamdulillah, pada tahun 2018, PUSPANITA KDN telah dianugerahkan dengan **Anugerah Cawangan Berprestasi**. Ia merupakan pengiktirafan tertinggi PUSPANITA KDN yang pernah diterima di peringkat Kebangsaan. Pengiktirafan ini adalah berdasarkan kepada

penglibatan dan pencapaian PUSPANITA KDN di peringkat Kebangsaan, yang mana tidak dapat saya sebutkan satu persatu di sini. Namun apa yang penting pada tahun ini dan tahun-tahun mendatang, kecemerlangan ini hendaklah diteruskan dan menjadi budaya dalam PUSPANITA KDN.

Yang Berbahagia Puan Sri, Dato' Seri, Dato' Sri, Dato' Indera, Dato', Datin Sri, Datin, Tuan-Tuan dan Puan-Puan,

7. Kecemerlangan ini juga tentunya adalah hasil kerja keras dan kerjasama antara semua Cawangan Kecil. Saya amat terharu kerana dalam kesibukan tugas rasmi dan menguruskan rumah tangga, masih ada ruang kepada ahli-ahli PUSPANITA KDN untuk melaksanakan aktiviti berpersatuan. Saya

percaya pengalaman dalam berpersatuan boleh meningkatkan *capacity building* Puan-Puan dalam menjalankan tugas rasmi di pejabat mahupun di rumah.

8. Selaras dengan hasrat Kerajaan pada masa ini, PUSPANITA juga perlu seiring untuk memperkasakan ahli-ahlinya. Di sini, saya ingin memetik perutusan Yang Amat Berbahagia **Tun Dr. Siti Hasmah binti Haji Mohd Ali**, Penaung PUSPANITA (Kebangsaan) yang pertama dan sekarang ini kepada semua ahli PUSPANITA agar **menjaga tonggak utama Persatuan** serta memulihkan pandangan masyarakat mengenai Perkhidmatan Awam dengan mengamalkan **integriti, amanah, cekap, rajin dan bermaruah**.



9. Justeru untuk berjaya, ahli-ahli PUSPANITA diseru untuk menimba ilmu dan **memperluaskan pengetahuan, menggilap potensi dan bakat, serta meningkatkan daya kepimpinan.** Ini dapat dilihat dimana pendekatan bersifat **ilmiah** diterapkan dalam semua aktiviti berbentuk **kerohanian, kebajikan, kekeluargaan, kesihatan dan keusahawanan** yang dijalankan.

10. Sebagai sebuah persatuan, PUSPANITA merupakan platform terbaik untuk mengukuhkan **ukhwah.** Aktiviti **kebajikan** yang dilaksanakan oleh PUSPANITA Cawangan KDN tidak hanya tertumpu kepada ahli-ahlinya tetapi juga melangkaui golongan lain yang kurang bernasib baik. InshaAllah pada tahun ini, pihak jawatan kuasa akan cuba memperbanyakkan lagi program-program

berbentuk sedemikian untuk warga KDN, antaranya Program “*Care For The Needy*” secara kerjasama dengan pihak NGO yang lain.

11. Selain itu, pada tahun ini pihak jawatan kuasa bercadang untuk menganjurkan beberapa program berbentuk kekeluargaan dan keusahawanan seperti Program Kenali Anak Anda dan Program Pembangunan Usahawan Muda. Bakat-bakat seni baharu akan dicungkil menerusi aktiviti *Ladies Nite*, manakala semangat berpasukan akan dipupuk menerusi Pertandingan Sukan.

12. Justeru di kesempatan ini, saya ingin menyeru supaya lebih ramai warga KDN dapat mencari peluang untuk aktif dalam PUSPANITA. Saya yakin Puan-Puan akan

dapat banyak manfaat daripada aktiviti berpersatuan ini.

13. Untuk makluman Yang Berbahagia Puan Sri, Dato' Seri, Dato' Sri, Dato' Indera, Dato', Datin Sri, Datin, Tuan-Tuan dan Puan-Puan, mesyuarat pada kali ini melibatkan pemilihan jawatankuasa yang baharu. Kepada ahli jawatankuasa sedia ada, saya mengucapkan ribuan terima kasih atas segala khidmat bakti yang telah dicurahkan selama ini. Tanpa kesepakatan dan usaha gigih semua pihak, tidak mungkin PUSPANITA KDN dapat bergerak sepertimana sekarang. Keikhlasan hati seharusnya dijadikan amalan dalam kita melaksanakan setiap tugas yang diamanahkan.

14. Justeru, besarlah harapan saya agar pemilihan ahli jawatankuasa yang baharu kelak dapat dibuat dengan sebaiknya. Berfikirlah secara matang kerana ia bakal menentukan kejayaan hala tuju PUSPANITA untuk dua tahun ini. Kepada ahli jawatankuasa baharu yang bakal dipilih kelak, sempurnakanlah amanah yang dipertanggungjawabkan dengan sebaiknya.

15. Sebelum saya akhiri ucapan, sekali lagi saya ingin merakamkan setinggi penghargaan kepada Yang Berbahagia Puan Sri Penaung atas kesudian Yang Berbahagia Puan Sri hadir merasmikan mesyuarat ini. Jutaan terima kasih juga buat Yang Berbahagia Dato' Seri KSU yang sentiasa memberi sokongan kepada ahli-ahli PUSPANITA KDN untuk terlibat dalam pelbagai program dan aktiviti, selagi mana ia

tidak mengganggu tugas hakiki masing-masing. Kepada Ketua-Ketua Jabatan di bawah KDN diharap agar dapat turut sama memberi sokongan kepada Pengerusi dan ahli-ahli di jabatan masing-masing.

16. Tidak lupa, ucapan terima kasih yang tidak terhingga kepada Ahli Jawatankuasa PUSPANITA Cawangan KDN yang telah berusaha dalam menjayakan Mesyuarat Agung pada kali ini.

Buah salak di dalam kantung  
Kulitnya keras isinya kelat  
Bulat air kerana pembetung  
Bulat manusia kerana muafakat

Anak dara menumbuk pandan  
Membuat kuih hidangan kenduri  
Perkara yang baik jadikan teladan  
Segala yang buruk letak ke tepi

Wabillahitaufik Walhidayah.

Assalamualaikum WBT.

Sekian, terima kasih.